

SUKNS.(S)100-1/7/1(3)



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
BILANGAN 2 TAHUN 2017**

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2017/ 2018

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri bagi pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya pemberian BKK sebanyak RM1,500.00 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan sebanyak RM750.00 kepada pesara Kerajaan.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, Kerajaan Negeri telah bersetuju meluluskan pemberian BKK Tahun 2018 sebanyak RM1,500.00.

4. Bagi menghargai jasa semua anggota Perkhidmatan Awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan yang memberi khidmat cemerlang pada tahun 2017, Kerajaan Negeri bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan 2017 sebanyak RM500.00.

5. Secara keseluruhannya, BKK Tahun 2017/2018 adalah berjumlah RM2,000.00.

PELAKSANAAN

6. BKK Tahun 2017/2018 diberi kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri yang berkhidmat pada tahun 2017 dan 2018 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan, Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

PEGAWAI YANG LAYAK

7. Pegawai-pegawai yang layak menerima BKK Tahun 2017/2018 adalah seperti berikut:

7.1 Pegawai lantikan tetap dan kontrak (*Contract Of Service, Contract For Service*); dan

7.2 Pegawai yang bertukar masuk ke Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan mulai 1 Februari 2018 hanya layak menerima BKK sebanyak RM500.00 yang akan dibayar pada bulan Jun 2018 tertakluk kepada pelarasan yang akan dibuat oleh Jabatan masing-masing.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

8. Pegawai yang tidak layak dibayar BKK Tahun 2017/2018 adalah seperti berikut:

- 8.1 Pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017;
- 8.2 Pegawai yang bercuti separuh gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017;
- 8.3 Pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017;
- 8.4 Pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017;
- 8.5 Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017; dan
- 8.6 Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

9. Pegawai yang ditangguhkan pemberian BKK Tahun 2017/2018 adalah pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib. Pegawai hanya layak dibayar BKK Tahun 2017/2018 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

10. BKK Tahun 2017/2018 sebanyak RM2,000.00 dipanjangkan kepada PSH yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2017. Bayaran pertama sebanyak RM500.00 akan dibuat pada bulan Disember 2017 manakala baki sebanyak RM1,500.00 adalah tertakluk kepada pegawai masih berkhidmat di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.

PESARA

11. Pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 hanya layak dibayar BKK sebanyak RM750.00. Pembayaran tersebut akan diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

12. Pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 hanya layak menerima BKK Tahun 2017/2018 sebanyak RM750.00. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM750.00 tersebut akan diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

TARIKH PEMBAYARAN

13. Pembayaran BKK Tahun 2017/2018 ini sebanyak **RM500.00** akan dibayar pada bulan **Disember 2017**, **RM500.00** lagi akan dibayar pada bulan **Januari 2018** manakala baki **RM1,000.00** akan dibayar pada **Jun 2018** sebelum menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2018.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

15. Penerimaan pakai Pekeliling ini tertakluk oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SERI HAJI MAT ALI BIN HASSAN)

Setiausaha Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

/1 Disember 2017